

1) RUMAH SELANGORKU DUN RAWANG

Adun : Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) **Apakah perancangan semasa dan akan datang berkaitan pembangunan Rumah Selangorku di sekitar Rawang?**

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat **36 projek** dengan **18,378 unit** RSKU di sekitar Rawang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi memenuhi perancangan Kerajaan Negeri untuk memenuhi keperluan perumahan mampu milik di kawasan tersebut. Statistik penyediaan rumah adalah seperti berikut:

STATUS	DALAM PERANCANGAN	TELAH PEROLEHI KELULUSAN PEMBANGUNAN	SEDANG BINA	SIAP BINA
Perancangan Sedia Ada	-	4 Projek (1,817 unit)	4 projek (1,817 unit)	6 projek (1,844 unit)
Perancangan Akan Datang	25 Projek (13,717 unit)	-	-	-
JUMLAH	36 PROJEK (18,378 UNIT)			

- b) **Boleh kerajaan jelaskan perancangan semasa dan akan datang berkaitan pembangunan Rumah Selangorku?**

Antara perancangan Kerajaan Negeri berkaitan Rumah Selangorku adalah memastikan dasar perumahan Negeri Selangor sentiasa relevan untuk dilaksanakan oleh pemain industri perumahan di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, Dasar Rumah Selangorku 3.1 yang juga dikenali sebagai Dasar Rumah Idaman Harapan dan Rumah Idaman MBI Negeri Selangor telah dilancarkan pada 10 Febuari 2025 yang lalu yang mana bertujuan memangkin pembinaan Rumah Mampu Milik Negeri Selangor. Seterusnya, Kerajaan Negeri Selangor juga telah mensasarkan penyediaan sebanyak 200,000 unit kediaman

mampu milik disediakan bagi tempoh 5 tahun (2024 - 2028) bagi memenuhi hasrat Kerajaan Negeri 1 Keluarga 1 Kediaman yang selesa.

- c) **Berapa banyak unit Rumah Selangorku yang telah siap dan diserahkan kepada pembeli di Rawang setakat ini?**

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2025, terdapat **6 projek** dengan **1,844 unit** RSKU telah siap dibina dan diserahkan kepada pembeli di Mukim Rawang.